Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pada tahun 2003, industri takaful memperlihatkan dinamisme dan daya tahan berdasarkan peningkatan keupayaan untuk bersaing, mengekalkan pertumbuhan dan keberuntungannya serta pengukuhan kemampuan institusi. Kesemua asas ini membolehkan industri takaful mengukuhkan daya saingnya dan berkembang dalam persekitaran kewangan yang mencabar. Sejak diperkenalkan di pasaran kewangan Malaysia hampir dua dekad yang lalu, industri takaful muncul sebagai satu sektor yang berdaya maju dalam perkhidmatan kewangan yang berlandaskan perkembangan ekonomi yang seimbang dan mampan. Berdasarkan asas-asas ini, industri takaful dijangka memainkan peranan yang penting sebagai penyedia jaminan kewangan dan mekanisme pemindahan risiko yang berdaya maju untuk orang awam dan perniagaan serta sebagai pelabur institusi yang penting dalam ekonomi.

Dalam suasana persaingan yang semakin sengit dan perubahan dinamik dalam industri takaful tempatan, momentum pertumbuhan caruman bersih dapat dikekalkan, berkembang pada kadar 14.0% pada tahun 2003. Kemasukan peserta baru dalam pasaran meningkatkan bilangan kepada empat buah pengendali takaful. Pertumbuhan caruman meningkatkan penguasaan pasaran industri takaful kepada 5.4% daripada caruman bersih sektor insurans. Sementara itu, jumlah aset industri mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 22.1%, merangkumi 5.6% daripada jumlah aset sektor insurans. Industri takaful kini turut mencatatkan pulangan ekuiti yang mantap dengan purata 23.3% untuk tempoh lima tahun.

Industri takaful mencapai kemajuan penting dari segi pendalaman dan perluasan kepelbagaian produk di pasaran, setara dengan produk yang ditawarkan oleh insurans konvensional bagi memenuhi kepelbagaian keperluan pengguna masa kini. Pengenalan produk takaful berkaitan pelaburan baru-baru ini menyerlahkan lagi kebolehan industri ini dalam memenuhi kehendak para pengguna yang sentiasa berubah dan seterusnya mengekalkan daya saingnya. Industri takaful juga melaksanakan strategi perniagaan bagi meningkatkan penembusan pasaran dengan memberi tumpuan pada memenuhi keperluan takaful untuk pasaran khusus. Pendekatan peka-pelanggan dan tumpuan strategik seperti ini perlu diteruskan sebagai satu kelebihan bersaing industri takaful.

Dalam menangani cabaran yang menghalang usaha ke arah meningkatkan penembusan pasaran demi memperkukuh pembangunannya, produktiviti dan kecekapan kemampuan pemasaran perlu dipertingkatkan. Penggunaan pelbagai saluran pemasaran melalui pakatan strategik dengan penyedia khidmat yang lain dan pengukuhan berterusan tenaga jualan, terutamanya dari segi pendidikan dan latihan adalah antara langkah yang diambil oleh industri demi memaksimumkan keberkesanan kemampuan pemasarannya.

Bagi melengkap dan menyokong pengembangan perniagaan secara mampan, industri takaful memperkukuh kemampuan institusinya melalui pelaburan dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Perbelanjaan dalam teknologi maklumat dan komunikasi begitu ketara dari segi operasi dan urus niaga, pengurusan dan penyimpanan data serta pelaporan kewangan. Langkah positif ini menjadi pelengkap kepada usaha Bank

Negara Malaysia yang membangunkan sistem pengemukaan penyata kewangan dan statistik dalam talian bagi industri takaful sebagai langkah memperbaiki keberkesanan pengawasan prestasi kewangan industri takaful melalui pelaporan kewangan yang lebih jelas dan tepat pada masanya. Kelebihan bersaing melalui kemampuan perniagaan yang lebih baik ini meletakkan pengendali takaful di kedudukan yang lebih baik bagi menangani perubahan kehendak pengguna dengan berkesan. Ciri-ciri ini adalah antara prasyarat bagi mengekalkan daya saing dan seterusnya menjadikan industri ini sebagai penyedia khidmat kewangan bertaraf antarabangsa dan peserta yang penting dalam landskap kewangan global. Dalam hal ini, dinamisme dan daya maju industri takaful di Malaysia sememangnya mendapat perhatian dan pengiktirafan sejagat. Pengekalan dinamisme ini perlu sebagai pemangkin ke arah meletakkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau.

Usaha ke arah meningkatkan pengetahuan pengguna mengenai takaful turut digandakan. Ini penting kerana penembusan pasaran industri takaful masih rendah, iaitu hanya 4.5% berbanding dengan 36.7% bagi insurans konvensional. Penyertaan secara aktif dalam aktiviti seperti Program Pendidikan Pengguna dan Minggu Perbankan Islam dan Takaful, yang dijalankan secara kerjasama oleh Bank Negara Malaysia dan industri adalah wadah yang berkesan bagi mempromosikan takaful sebagai satu instrumen simpanan dan pelindung risiko yang berdaya maju. Inisiatif-inisiatif penting ke arah meningkatkan pendidikan pengguna ini perlu diteruskan.

Bank Negara Malaysia akan memastikan pembangunan industri yang teratur dan mampan melalui infrastruktur pengawalseliaan yang berkesan dan utuh. Tumpuan akan diberikan ke arah meneguhkan kekukuhan kewangan industri takaful melalui rangka margin kesolvenan dan juga menyelia peningkatan modal berbayar minimum kepada RM100 juta. Berhubung rapat dengan usaha penting ini adalah kajian semula ke atas Akta Takaful 1984 bagi memperkukuh keberkesanan rangka perundangan yang menyokong industri takaful. Sebagai pelengkap kepada inisiatif-inisiatif ini, industri takaful melalui persatuannya yang baru ditubuhkan perlu meningkatkan kerjasama bagi mengenal pasti dan menangani isu-isu kritikal dalam industri.

Usaha bagi membangunkan industri takaful yang berdaya tahan dan mampan dalam lingkungan sistem kewangan Islam yang komprehensif dan progresif seperti mana yang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan sememangnya mencabar. Dalam melangkah ke tahun 2004, kita perlu meneruskan komitmen demi menjamin pembangunan dan pertumbuhan yang seimbang.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
14 April 2004